

BAB 1**1.0 PENGENALAN**

Keperluan mempelajari bahasa sama ada sebagai bahasa pertama, kedua atau bahasa kebangsaan wujud atas tuntutan sejarah atau politik. Pada asasnya tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, untuk mencapai empat kemahiran utama, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam pelbagai variasi dan situasi. Di sekolah menengah, bagi pelajaran bahasa khususnya bahasa Melayu, pelajar-pelajar masih meneruskan pengetahuan dan pengalaman yang telah diperolehi di sekolah rendah. Penerusan ini bertujuan untuk mempertingkat dan memperkuuhkan keupayaan berbahasa di kalangan pelajar.

Dalam pengajaran dan kemahiran bahasa, sama ada kemahiran lisan, membaca dan menulis, kemahiran mengarang boleh dianggap sebagai kemahiran yang paling sukar diajar. Pengajaran dan pembelajaran karangan penting bagi semua peringkat persekolahan kerana karangan merupakan tingkat tertinggi kemahiran bahasa iaitu kemahiran bentuk tulisan.

Ishak Harun (1979) berpendapat, kemahiran menulis (karangan) mustahak dalam kegiatan-kegiatan pendidikan formal kerana kebanyakan jawapan dalam ujian dan peperiksaan rasmi memerlukan pengucapan idea, fakta dan lain-lainnya yang disampaikan melalui kemahiran bahasa tulisan yang sifat bahasanya formal.

memaparkan daya cipta pemikiran dan keyakinan diri untuk menulis pelbagai karangan dengan bahasa yang kemas, struktur yang betul dan gaya yang menarik.

Aspek sintaksis juga diberikan penekanan dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah dan Menengah Rendah. Kaedah pengajaran sintaksis di sekolah rendah bertujuan untuk membolehkan murid-murid membina ayat dengan tepat dan jelas; membina berbagai jenis dan bentuk ayat dalam berbagai konteks dengan tepat dan jelas (Sukatan Pelajaran Rendah: 1983: 20).

Oleh itu, ternyata bidang sintaksis merupakan bidang terpenting dalam komponen tatabahasa bahasa Melayu dan perlu dikuasai sebaik mungkin oleh setiap pelajar bagi menyatakan pendapat, perasaan dan pengalaman. Hal ini, selaras dengan pandangan Diana Amisan (dalam Sh. Halimah Syed Yasin : 1988:18) bahawa setiap gagasan fikiran atau konsep yang dimiliki seseorang pada praktiknya harus dituang ke dalam bentuk ayat. Ayat yang baik harus memenuhi prasyarat nahu. Ini bererti sesuatu sintaksis itu harus disusun berdasarkan rumus-rumus yang dipersetujui dalam tatabahasa sesuatu bahasa itu.

Tidak ketinggalan pula, tokoh-tokoh bahasa tempatan iaitu, Zaaba (1965), Asmah Hj.Omar (1980), Nik Safiah Karim (1978) dan Arbak Hj. Othman (1981) berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang terkeluar daripada penggunaan bahasa baku dianggap sebagai kesalahan bahasa melainkan sekiranya bahasa itu digunakan di luar daripada penggunaan formal, misalnya penggunaan dialek-dialek bahasa Melayu.

Liaw Yock Fang (1988) berpendapat bahawa kesalahan bahasa bukanlah satu kepelikan dalam bahasa-Melayu memandangkan persoalan ini pernah diperkatakan dalam Pelita Bahasa Melayu I - III oleh Zaaba pada tahun 1947. Perbincangan ini menjadi semakin rancak kebelakangan ini sehingga terdapat ahli bahasa yang menamai kesilapan itu sebagai pencemaran bahasa. Sehubungan dengan itu Asmah Hj.Omar (1983) telah menyuarakan pandangan yang berlainan tetapi lebih bersifat positif.

"Kesilapan bahasa itu tidak seharusnya dianggap sebagai pencemaran, kerana kesilapan merupakan penyimpangan yang tidak disengajakan daripada peraturan bahasa. Kesilapan boleh diperbaiki secara mendidik, dan bukan dimomok-momokkan".

(Asmah Hj.Omar : 1983)

Dalam penulisan karangan ketepatan tatabahasa sangat penting supaya komunikasi tidak menemui kegagalan. Walaupun tatabahasa bukanlah menjadi ukuran utama menilai kemampuan berbahasa tetapi boleh dianggap sebagai satu komponen dalam kemahiran seseorang itu berbahasa. (Padmanabhan Nair : 1990)

Abdul Hamid Mahmood (1993:5) dalam kajiannya menerangkan bahawa pada tahun 1980 kira-kira 5000 pelajar bumiputera gagal mendapat pangkat pertama dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) semata-mata kerana gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, pelajar bumiputera yang mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga telah merosot sebanyak 5.9 peratus iaitu daripada 47.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Kelemahan seperti ini sebenarnya berpunca daripada berbagai faktor. Faktor kekurangan buku teks dan bahan bacaan yang sesuai, sikap negatif pelajar terhadap pelajaran, ketidaksesuaian sistem pengajaran dan pembelajaran, antara pelbagai alasan yang boleh dikeluarkan daripada suatu senarai panjang jika dibuat.

Jika perbandingan dibuat antara kemahiran mendengar, bertutur dan membaca, aspek kemahiran menulis sering diberi perhatian penting dalam senarai keutamaan kemahiran berbahasa. Keadaan sedemikian berhubung dengan peranan tradisional kemahiran tersebut sebagai alat pengukur utama pencapaian pelajar. Peperiksaan bertulis dianggap bertindak sebagai medium penting dalam menentukan pencapaian seseorang pelajar.

Dalam rumusan ‘The Development of Writing Abilities’ (1974) seperti yang dilaporkan oleh Bullock (1975) tentang penyelidikan penulisan di sekolah menengah dinyatakan bahawa lebih 80 peratus daripada kerja bertulis dalam beberapa mata pelajaran dikendalikan untuk maksud penilaian.

Oleh itu, pelajar harus didedahkan kepada latihan dan bimbingan yang sistematik untuk menulis pelbagai jenis karangan dengan teknik yang berbeza. Hal ini merupakan suatu proses yang rumit dan memerlukan waktu yang panjang.

Memandangkan mengarang merupakan suatu aktiviti yang kompleks, para pelajar perlu mempelajari dan menguasai pelbagai kemahiran menulis, agar maklumat, idea, perasaan dan pendapat dapat dikemukakan dengan jelas, teratur dan menarik. Oleh itu penggunaan bahasa yang betul dan tepat dari aspek morfologi dan sintaksis amat penting kepada pelajar-pelajar prauniversiti terutama dalam penulisan karangan.

Untuk mencapai kemurnian karangan kepentingan analisis tidak dapat dinafikan. Analisis kesilapan/kesalahan memberikan maklumat tentang daerah yang menjadi kesulitan pelajar yang perlu diberikan tumpuan yang lebih oleh guru. Analisis kesilapan dapat juga mengesan punca-punca kesulitan dan daripadanya dapat dicadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya. Dengan memahami masalah pelajar, pengajaran pemulihan dapat dijalankan dengan bermakna. Melalui analisis kesilapan dapat memberi gambaran kasar tentang bagaimana sesuatu bahasa itu dikuasai dan daripadanya dapat dirangka pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, seperti kata Jack Richards, (1973: 27)

“... We cannot really teach language we can only create condition in which it will develop spontaneously in the mind in its own way. We shall never improve our ability to create such favourable condition until we learn more about the way a learner learns and what his built in syllabus. When we do know this we may begin to be more critical of our cherished notion. We may be able to allow the learners innate strategies to dictate our practice and determine our syllabus; we may learn to adapt ourselves to his need rather than impose upon him our preconception of how he ought to learn, what he ought to learn, and when he ought to learn it.”

Atas dasar ini, rasionalnya satu kajian analisis kesilapan sintaksis dalam karangan pelajar prauniversiti harus dilakukan. Kajian ini akan dapat mengenalpasti faktor-faktor permasalahan, jenis-jenis, kesalahan, merangka strategi penyelesaian yang komprehensif dan cadangan untuk kajian lanjut tentang permasalahan ini.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Di kalangan pelajar-pelajar prauniversiti sering menghadapi masalah tatabahasa dalam aspek sintaksis dan morfologi terutamanya dalam pembinaan ayat ketika mengarang sesuatu topik karangan sama ada dalam peperiksaan atau latihan dalam bilik darjah. Hakikat bahawa pembinaan sintaksis yang baku dalam karangan merupakan

kendala kepada pelajar prauniversiti untuk mengarang dengan berkesan bagi memperolehi markah yang maksimum dalam peperiksaan.

Penyelidikan Awang Mohd. Amin (1981), menunjukkan adanya kesalahan bahasa dan kesalahan lain dalam karangan pelajar-pelajar peringkat sekolah menengah atas. Kajian ini berdasarkan karangan pelajar menengah atas di empat buah sekolah, dua di Wilayah Persekutuan (bandar) dan dua dalam negeri Selangor (luar bandar) mencatatkan kesalahan pada peringkat ayat. Kesalahan yang dilakukan meliputi kesalahan struktur ayat selapis (aktif) dan struktur ayat selapis (pasif), kesalahan struktur ayat selapis, struktur ayat tanya sebagai unsur ayat penyata, ayat kompleks atau ayat campur, ayat campuran, ayat saduran daripada struktur ayat bahasa Inggeris dan kesalahan ayat panjang tetapi tidak dapat ditentukan makna keseluruhan. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan kesalahan ayat berpunca daripada kelemahan pelajar menguasai struktur binaan ayat dari segi subjek dan predikat, di samping faktor-faktor lain.

Awang Sariyan (1980), menunjukkan terdapat kesalahan dari sudut morfologi dan sintaksis. Seterusnya Awang Sariyan (1987), dalam tinjauannya tentang aspek bahasa dalam peperiksaan berdasarkan karangan pelajar, menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam bidang penguasaan sintaksis di kalangan pelajar.

Hasil penyelidikan Harris seperti yang dilaporkan oleh Braddow (1963), menunjukkan bahawa aspek bahasa adalah satu faktor yang menyukarkan seseorang penulis baik peringkat rendah ataupun peringkat tinggi.

Merujuk kepada Laporan Majlis Peperiksaan (1981) telah terbukti bahawa terdapat kelemahan dalam penulisan eseai (karangan). Daerah kelemahan ditunjuk dari segi penggunaan bahasa contoh ayat panjang dan meleret, ayat tergantung dan ayat mirip kepada bentuk bahasa lisan. Penggunaan tanda baca, imbuhan, partikel, ejaan dan aspek-aspek lain memperlihatkan kelemahan calon. Dari segi leksis ramai calon yang menggunakan istilah bahasa Inggeris walaupun terdapat istilah-istilah yang maksudnya sama dalam bahasa Melayu.

Berlandaskan kelemahan pelajar-pelajar prauniversiti dalam sintaksis, maka antara masalah yang hendak dilihat dalam kajian ini ialah

1. Memastikan jenis kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar prauniversiti dalam karangan.
2. Meneliti kekerapan kesilapan sintaksis.
3. Memastikan punca-punca kesilapan.
4. Menyelidiki kesan pengajaran morfologi dan sintaksis boleh mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa.
5. Mencadangkan alternatif penyelesaian masalah kesilapan yang boleh dijadikan rujukan oleh para pelajar, guru dan juga penerbit.

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian penting dan bermanfaat untuk maksud-maksud berkaitan dengan sintaksis bahasa Melayu;

1.2.1 Para Pelajar:

1. Membantu pelajar memahami dan memastikan masalah diri sendiri dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Dengan ini, strategi pembelajaran dapat disusun semula untuk mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran.
2. Membantu pelajar di peringkat prauniversiti memperoleh kelulusan atau kecemerlangan bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

1.2.2 Para Guru

1. Membantu pengajar bahasa Melayu dalam menyediakan rancangan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dan sempurna.
2. Membantu pengajar bahasa Melayu dalam menentukan teknik mengajar yang lebih berkesan.

1.2.3 Penerbit/ Penyunting Teks/ Pengarang

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akan menjadi maklumat rujukan yang bernilai untuk para penyunting teks agar tumpuan khas dapat diberikan terhadap kelemahan pelajaran ini.

1.2.4 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Membantu PPK dalam menentukan sukanan pembelajaran bahasa Melayu yang melibatkan pengukuhan kemahiran sintaksis bahasa Melayu.

Berdasarkan hal yang demikian dapat disimpulkan bahawa melalui analisis kesilapan/kesalahan, pihak yang berkaitan berupaya meninjau tingkat keupayaan dan prestasi bahasa pelajar, mengetahui masalah linguistik dan psikologi yang dihadapi oleh mereka. Dengan itu, dapatlah difikirkan suatu strategi pengajaran yang lebih praktis dan berkesan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini, untuk meneliti kemahiran bahasa Melayu dari segi sintaksis di kalangan pelajar prauniversiti di sekolah menengah atas yang sedang mengikuti pendidikan formal di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Jerteh, Terengganu Darul Iman pada akhir tahun 1997. Tujuan kajian ini seperti berikut;

- I mengesan kesilapan sintaksis bahasa Melayu di kalangan sampel kajian secara keseluruhan
- II meneliti kekerapan kesilapan sintaksis dalam karang
- III mengenal pasti faktor-faktor penyebab yang memungkinkan kesilapan sintaksis (karangan) bahasa Melayu dalam kajian ini

1.4 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dibataskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering di daerah Besut Terengganu. Sekolah ini mempunyai dwijantina. Sekolah ini merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan di bawah Persekutuan.

Pelajar sekolah ini seratus-peratus berbangsa Melayu dan beragama Islam. Mereka merupakan penutur natif bahasa Melayu. Dalam kajian ini sasaran difokuskan kepada pelajar-pelajar prauniversiti. Pemilihan ini disebabkan pelajar yang terlibat mewakili beberapa buah sekolah menengah di daerah Besut lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) yang melanjutkan pelajaran prauniversiti di sekolah ini. Jenis kemahiran bahasa Melayu yang dianalisis bagi maksud kajian ini ialah kemahiran menulis karangan. Pelajar akan menulis dua buah karangan. Oleh itu, analisis kesilapan yang dilakukan hanya dalam kedua-dua karangan tersebut sahaja.

Jenis-jenis kesilapan bahasa Melayu yang dikaji dalam karangan yang dihasilkan oleh pelajar dibataskan pula kepada kesilapan peringkat ayat dalam penulisan karangan itu sahaja.

Kesilapan peringkat ayat dibataskan kepada butir-butir di bawah:

A1 - Kesilapan struktur ayat tunggal.

A2 - Kesilapan struktur ayat majmuk gabungan.

A3- Kesilapan struktur ayat majmuk relatif

A4 - Kesilapan struktur ayat majmuk komplemen.

A5 - Kesilapan struktur ayat majmuk keterangan.

A6 - Kesilapan struktur ayat majmuk campuran.

A7 - Kesilapan struktur ayat aktif.

A8 - Kesilapan struktur ayat pasif.

A9 - Kesilapan struktur ayat saduran daripada ayat asing seperti ayat bahasa Inggeris.

Pengkaji berpendirian bahawa pelajar-pelajar di sekolah yang dikaji melakukan pelbagai kesilapan bahasa dalam penulisan mereka. Contoh-contoh kesilapan sintaksis yang berkaitan dibincangkan dalam Bab 3.

Penggunaan istilah pembatasan 'ayat', dan menentukan 'salah' atau 'betul' semua aspek 'ayat' itu, pengkaji menggunakan beberapa buah buku tatabahasa sebagai pegangan atau pedoman. Buku tatabahasa yang menjadi pegangan utama ialah buku Tatabahasa Dewan Jilid 1 : Ayat, karangan bersama Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood : Tatabahasa Dewan, Jilid 2 : Perkataan, karangan bersama oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Musa. Selain itu buku tatabahasa (TB) lain yang dirujuk ialah Nahu Melayu Mutakhir oleh Asmah Hj.Omar; Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia, Pengaruh Sintaksis Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu, Aspek-aspek Kesalahan Ejaan, Isu-isu Bahasa Malaysia yang kesemuanya ditulis oleh Awang Sariyan.

Buku pedoman rujukan yang seterusnya ialah Tatabahasa Malaysia oleh Arbak Othman; Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia oleh Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader. Selain itu, buku-buku lain tentang tatabahasa bahasa Melayu dirujuk juga sebagai bandingan secara am. Antaranya termasuklah Ayat Dalam Bahasa Melayu oleh Nik Safiah Karim: Struktur Sintaksis Ayat Selapis dan Bahasa Malaysia: Satu Analisis Tranformasi Generatif, karangan Darwis Harhap; Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia oleh Abdullah Hasan, dan lain-lain.

Buku-buku itu dipilih berdasarkan aliran tatabahasa yang dianuti oleh pengarangnya yang kemudiannya menulis buku tatabahasa menurut pendekatan/aliran yang dianuti. Misalnya Asmah Haji Omar mewakili pandangan ahli tatabahasa aliran struktural. Nik Safiah Karim dan rakan-rakan mewakili pandangan ahli-ahli tatabahasa aliran transformasi generatif, sementara Arbak Othman mewakili pandangan ahli-ahli tatabahasa aliran tradisional. Dengan demikian buku-buku tatabahasa menjadi pegangan dapat mewakili semua aspek tatabahasa bahasa Melayu standard.

1.5 HURAIAN KONSEP

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu dihuraikan agar konsepnya menjadi lebih jelas.

1.5.1 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda etnik Melayu. Nama bahasa Melayu ditukarkan kepada Bahasa Malaysia iaitu suatu nama yang timbul selepas 13 Mei, 1969.

Perubahan nama ini bertujuan untuk menghilangkan konotasi bahawa bahasa Melayu itu kepunyaan orang Melayu sahaja. Kini, (1992) nama bahasa Malaysia yang digunakan sejak tahun 1969 itu ditukarkan kepada bahasa Melayu semula. Selain di Malaysia, bahasa Melayu juga dituturkan di Indonesia, Brunei Darussalam, Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Singapura. Daripada segi status, bahasa Melayu merupakan bahasa yang kelima terpenting di dunia kerana mempunyai penutur kira-kira 200 juta orang (Mangantar Simanjuntak: 1990: 962). Di Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam perenggan 152, para satu Perlembagaan Tanah Melayu (kini Malaysia).

1.5.2 Analisis Kesilapan

Penggunaan istilah kesilapan (error), pengertiannya merangkumi juga lupaan sementara (lapse), kesilapan (error) dan kesalahan (mistake), (Raminah Hj. Sabran: 1985), mengikut Corder (1967: 260) kesalahan bahasa ialah ujaran-ujaran yang menyimpang daripada bentuk-bentuk yang dituturkan oleh penutur jati, iaitu;

... refer to those features of the learners utterance which differ from those of any native speaker ...

Bell (1981: 172) pula (dalam Mohd. Salehuddin: 1993) menakrifkan kesilapan bahasa sebagai;

"... the grammatically incorrect form... An error is a sure sign that the learner has not mastered the code of the target language... and it indicates faulty knowledge of the grammar..."

Bialystok, dan Sharwood Smith (1985), telah menegaskan bahawa kekurangan pengetahuan bahasa akan mengakibatkan kesalahan bahasa. Sementara kekurangan kawalan akan membawa kepada kesilapan bahasa. Dalam penggunaan bahasa semua orang melakukan kesalahan sama ada secara sengaja ataupun tidak, kata Corder (1981: 6),

...we live in imperfect world and consequently error will always occur in spite of our best efforts"

Daripada definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa kesilapan bahasa dimaksudkan sebagai bentuk-bentuk bahasa yang menyimpang daripada bentuk yang baku, iaitu suatu bentuk bahasa yang digunakan dalam hubungan-hubungan formal. Bentuk ini benar-benar mematuhi tatabahasa dan bebas daripada pengaruh dialek daerah dan bahasa pertuturan yang tidak formal.

Analisis kesilapan bahasa bertujuan untuk mengetahui punca-punca kesilapan bahasa yang mungkin dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran.

1.5.3 Sintaksis

Ayat (sintaksis) ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi yang

sempurna, iaitu dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan (Tatabahasa Dewan: 1986: 37). Pada hakikatnya mengkaji cara bagaimana perkataan-perkataan disusun supaya menghasilkan unit-unit yang lebih besar iaitu rangkaian kata dan ayat (Arbak Othman: 1983: 112). Jelasnya sintaksis ialah pengaturan dan hubungan antara kata dengan kata, atau dengan satuan-satuan yang lebih besar itu dalam bahasa (Harimurti Kridalaksana: 1982: 154).

Asmah Hj. Omar (1982: 329) pula, mendefinisikan ayat (sintaksis) sebagai unit yang paling tinggi dalam skala tatatingkat nahu. Ayat terdiri daripada klausa yang disertai dengan intonasi ayat yang lengkap, yakni dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan intonasinya menyatakan ayat itu ayat sempurna dan selesai. Juga sintaksis mengkaji tentang prinsip dan proses pembinaan ayat dalam sesuatu bahasa. Komponen sintaksis merupakan komponen yang paling penting dalam tatabahasa. Dalam komponen sintaksislah terdapat Rumus Struktur Frasa dan Rumus Struktur Transformasi yang menjadi asas penerbitan ayat (Awang Sariyan: 1984: 550).

Dalam konteks kajian ini, Ayat Tunggal, Ayat Majmuk dan Ayat Saduran daripada ayat asing yang akan dibincangkan. Ayat Tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan predikat. Ayat Majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu klausa (Tatabahasa Dewan: 1986: 65).

1.5.4 Karangan

Zaaba (1965:1) berpendapat, mengarang ertiinya membuat beberapa ayat yang berhubungan dengan betul menceritakan dari hal sesuatu perkara. Tiap-tiap satu ayat itu

dijadikan daripada beberapa perkataan yang tersusun dengan betul pula sehingga cukup memberi faham.

Karangan ialah penglahiran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang ditetapkan oleh guru. Secara tidak langsung kanak-kanak diberikan kebebasan melahirkan fikiran, pendapat, komen, cadangan, ulasan-ulasan ketika menjawab karangan yang disediakan oleh guru (Raminah Hj. Sabran: 1985:200).

Koh Boh Boon (1981: 66) pula, mendefinisikan karangan satu gerak kerja penting dalam aspek penulisan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia.

Kamus Bahasa Inggeris, The Advanced Learner's Dictionary of Current English (1979) memberi makna karangan sebagai,

"the act or art of composing, putting together and arranging e.g. a piece of writing or music..."

Ini bermakna perkataan karangan itu pertalian erat dengan kata '*composition*' (Awang Mohd Amin: 1983: 188).

Bagi Lado (1964), Broto (1974), Bullock (1975), dan Ishak Harun (1979), karangan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata dan ayat sahaja, tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta, dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia (pengarang atau penulis) melalui alat

komunikasi yang dinamakan bahasa. Pandangan ini bersesuaian dengan pegangan ahli bahasa Chomsky (dalam Kamaruddin Husin: 1988) yang telah memberi penekanan kepada perlunya peranan pemikiran dalam kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata dan seterusnya ayat dalam sesebuah wacana atau karangan.

Karangan dalam kajian ini bermaksud gerak kerja atau latihan bertulis dalam kertas secara formal.

1.5.5 Prauniversiti

Pelajar-pelajar ini telah lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) dan menduduki dua tahun prauniversiti sebelum mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (S.P.T.M.) untuk melayakkan diri melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (I.P.T.). Pelajar biasanya mengambil lima mata pelajaran peringkat Prinsipal (kini 1999 cuma empat prinsipal dan pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran bahasa Inggeris (MUET). Mata pelajaran wajib ialah Pengajian Am dan bahasa Inggeris. Sementara pelajaran lain bertaraf elektif. Pada peringkat prauniversiti karangan dimuatkan dalam kertas Bahasa Melayu 910/2 (BM Kertas 2) dalam bahagian A, sementara bahagian B ialah rumusan dan bahagian C, alih bahasa. Pemarkahan karangan berjumlah 50 markah, rumusan 20 markah dan alih bahasa 30 markah. Jumlah keseluruhan sebanyak 100 markah. Memandangkan dalam bahagian karangan peruntukan markahnya sebanyak 50 peratus daripada keseluruhan markah, menyebabkan karangan amat penting untuk pelajar bagi mendapat taraf prinsipal dalam Kertas BM 910/2 (Bahasa Melayu Kertas 2).

1.5.6 Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering (S.M.K.S.N.) ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M.) tetapi pentadbirannya dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Pada awal penubuhannya sekolah ini pelajar peruntukan kelas hanya peringkat tingkatan lima sahaja. Pada tahun 1988 SMKSN mula dibuka satu kelas peringkat prauniversiti. Hingga kini (1999) terdapat tujuh kelas untuk menampung kelulusan S.P.M dari beberapa buah sekolah di Daerah Besut, Terengganu.

S.M.K.S.N menyediakan kemudahan asrama. Bagi pelajar-pelajar yang tinggal dalam lingkungan 10 hingga 30 kilometer dari sekolah tidak diberi kemudahan ini. Mereka berulang-alik dari rumah ke sekolah.

Syarat minimum kemasukan ke prauniversiti S.M.K.S.N. ini, pelajar sekurang-kurang mendapat 13 unit bagi 3 mata pelajaran (dari aliran sastera) dan 18 unit (bagi pelajar aliran sains yang ditawarkan bertukar ke aliran sastera). Syarat asasnya pelajar perlu berada di peringkat kepujian bagi kertas bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Umur pelajar untuk ke peringkat ini perlu antara + 17 dan + 18 tahun.